

U B472 BAH  
MAHATHIR - FELDA (EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30  
MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 8 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MENASIHATKAN PARA PENEROKA RANCANGAN FELDA SUPAYA MEMPUNYAI SIMPANAN ATAU MEMBUAT PELABURAN LAIN KETIKA MENIKMATI HARGA GETAH DAN KELAPA SAWIT YANG TINGGI KINI, AGAR MEREKA TIDAK MENDERITA SEMASA HARGA KOMODITI ITU JATUH.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SIKAP BERJIMAT-CERMAT DAN TABIAT MENYIMPAN WANG HARUSLAH DIPUPUK DAN DISEMAI DI KALANGAN MEREKA.

+YANG DIKALIS PAGI TIDAK SEMUANYA MESTI DIHABISKAN PADA WAKTU PAGI, SEBAHAGIANNYA DISIMPAN UNTUK KEPERLUAN SEBELAH PETANG ATAU MALAM ATAU PUN UNTUK HARI ESOK+, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PENYAMPAIAN +PINGAT SEMAI BAKTI FELDA+ DI SINI MALAM INI.

KATANYA, HARGA GETAH DAN KELAPA SAWIT YANG TINGGI KINI TIDAK AKAN KEKAL SELAMA-LAMANYA DAN USAHA MENYIMPAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENDAPATAN BUKAN SAHAJA DAPAT MENJAMIN MASA DEPAN KELUARGA PENEROKA ITU TETAPI JUGA MEMBANTU MEMPERCEPATKAN RENTAK PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU MENASIHATKAN PARA PENEROKA SUPAYA MENGGUNAKAN KESEMPATAN DAN KEMUDAHAN MENYIMPAN SERTA MEMBUAT PELABURAN YANG DISEDIAKAN OLEH FELDA SERTA PELBAGAI AGENSI LAIN. -- LAGI

2120MST 08 08 88

U B474 BAH  
MAHATHIR - FELDA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA SUNGGUHPUN PENDAPATAN PENEROKA TIDAK STABIL -- TURUN-NAIK SELARI DENGAN RENTAK HARGA BARANGAN DALAM PASARAN DUNIA -- TETAPI PADA KESLURUHANNYA PENDAPATAN PENEROKA LEBIH BAIK DARIPADA APA YANG DIPEROLEHI SEBELUM MENYERTAI RANCANGAN FELDA.

KATANYA, SATU CARA UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN IALAH BAGI PENEROKA MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN EKONOMI MEREKA DAN TIDAK SEMATA-MATA BERGANTUNG KEPADA HASIL LADANG MASING-MASING.

PARA PENEROKA TIDAK HARUS BERPELUK TUBUH DAN MENGHARAPKAN ORANG LAIN MENGENDALIKAN SEGALA-GALANYA UNTUK MEREKA. LEBIH MALANG LAGI JIKA WUJUD GOLONGAN YANG BUKAN SAHAJA TIDAK MAHU BERUSAHA TETAPI MEMBURUKKAN LAGI KEADAAN DENGAN MENYALAHKAN SETIAP ORANG LAIN APABILA SESUATU YANG MALANG BERLAKU, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN BOLEH MERANCANG PELBAGAI PROGRAM DAN MELAKSANAKAN BERANIKI PROJEK TETAPI KEJAYAANNYA BERGANTUNG KEPADA MASYARAKAT YANG TERLIBAT ITU SENDIRI.

+DI RANCANGAN-RANCANGAN, PARA PENEROKALAH YANG SEPATUTNYA MENJADI NADI PENGGERAK KERANA JIKA SAMBUTAN TERHADAP SESUATU PROJEK ITU DINGIN DAN KERJASAMA YANG DIDERIKAN LEMBAB, PROJEK ITU AKAN GAGAL+, KATANYA. -- LAGI

2123MST 08 08 88

0199

U B476 BAH  
MAHATHIR - FELDA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENAMBAHKATA, PERPINDAHAN PENEROKA DARI KAMPUNG-KAMPUNG TERPENCIL KE RANCANGAN-RANCANGAN TANAH DIHARAPKAN DAPAT MEMBAWA PERUBAHAN TETAP JIKA MEREKA MASIH MENGAMALKAN CARA LAMA YANG TIDAK MENGUNTUNGKAN, MAKA PERPINDAHAN ITU AKAN MENJADI SIA-SIA.

BELIAU MAHUKAN FELDA MEMCONTOHI PENGURUSAN LADANG-LADANG SWASTA YANG CEKAP DENGAN KOS YANG RENDAH TETAPI BERUPAYA MENGHASILKAN PENGELUARAN YANG PALING TINGGI.

KERAJAAN SEDAR, KATANYA, RANCANGAN FELDA BUKANLAH ESTET BIASA BAIK DARIPADA SEGI EKONOMI ATAU PUN MASYARAKATNYA KERANA STRATEGINYA DIGUBAL BERASASKAN CAMPURAN ANTARA KEBUN KECIL DENGAN LADANG SWASTA.

+TETAPI HAKIKATNYA LADANG-LADANG SWASTA MENDAPAT KEUNTUNGAN WALAUPUN SEMUA PERBELANJAAN PENGURUSAN DAN PEMBIAYAAN HUTANG DIPIKUL OLEH LADANG-LADANG ITU SENDIRI DARIPADA PENDAPATAN HASIL PENGELUARAN MEREKA.

+PADA WAKTU HARGA KOMODITI MENURUN SEKALIPUN, LADANG-LADANG SWASTA MAMPU MENAMPUNG SEMUA PERBELANJAAN DARIPADA HASIL PASARAN MEREKA TANPA MENDAPAT PENDAHULUAN DARIPADA MANA-MANA PIHAK+, KATANYA.

BERBANDING DENGAN FELDA, KATANYA, KERAJAAN TERPAKSA MENAMPUNG KOS MENTADBIR FELDA SEJAK IA DITUBUHKAN DAN IANYA MENJADI BEBAN YANG BERAT, TERUTAMANYA SEMASA NEGARA MENGHADAPI KEKURANGAN PENDAPATAN.

-- LAGI  
2125MST 08 08 88

0200

U B477 BAH  
MAHATHIR - FELDA 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN PARA PENEROKA FELDA TENTANG CARA HIDUP BERMASYARAKAT YANG MEMERLUKAN SEMANGAT SALING MEMBANTU ANTARA SATU SAMA LAIN.

KATANYA, SELAIN DARIPADA MEREKA, KERAJAAN TURUT MEMPUYAI TANGGUNGJAWAB TERHADAP PARA PETANI, NELAYAN DAN PENDUDUK DI LUAR BANDAR.

+OLEH ITU JIKA MANA-MANA PIHAK DAPAT MEMBANTU DIRI SENDIRI, TIDAKLAH ADIL BAGI KERAJAAN MEMBANTUNYA SEPANJANG MASA SEHINGGA PIHAK LAIN TIDAK MENDAPAT PERUNTUKAN YANG SEPATUTNYA+.

ADALAH WAJAR BAGI KERAJAAN MEMBERI BANTUAN PADA WAKTU HARGA KOMODITI RENDAH, TETAPI JIKA PEMBIAYAAN KERAJAAN DAPAT DIKURANGKAN ATAU DIHENTIKAN DALAM KEADAAN HARGA KOMODITI MELAMBUNG KINI, LEBIHAN WANG ITU DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MEMBANTU MEREKA YANG TIDAK DAPAT MENIKMATI KEMEWAHAN YANG SAMA, KATANYA. -- BERNAMA

2127MST 08 08 88

R B511 BAH  
MAHATHIR - FELDA 5 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN KEPADA ITEM B477)

PERDANA MENTERI KEMUDIANNYA MENYAMPAIKAN PINGAT-PINGAT SEMAI BAKTI TERMASUK PINGAT DARJAH UTAMA YANG ANUGERAHKAN KEPADA TIMBALAN PENGARAH BESAR (KHIDMAT) FELDA ENCIK MOHAMAD FADZIL YUNUS.

SEBANYAK ENAM YANG LAIN MENERIMA PINGAT DARJAH KEDUA, 11 DARJAH KETIGA, LIMA MENERIMA PINGAT EMAS MANAKALA TIGA MENERIMA SIJIL SAHAM KOPERASI PERMODALAN FELDA BERNILAI \$5,000 TIAP-TIAP SATU.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH DATUK DR SULAIMAN HAJI DAUD DAN TIMBALANNYA DATUK HAJI KHALID YUNUS. -- BERNAMA

0131MST 09 08 88